

**TEKS UCAPAN YB DATUK AB AZIZ KAPRAWI
TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
19 SEPTEMBER 2016**

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim

Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan

YBhg. Datuk Ruhaizah Mohamed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan

YBhg. Dato' Chua Kok Ching

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/Jabatan/Agensi,

Seluruh warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah Kementerian
Pengangkutan yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

PENDAHULUAN

- 1.** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah MOT yang hadir pada Majlis Perhimpunan Bulanan 1MOT ini.
- 2.** Juga penghargaan saya kepada Biro Siasatan Kemalangan Udara dan Unit Komunikasi Korporat selaku penganjur Majlis ini untuk bulan September 2016 ini.
- 3.** Di kesempatan ini juga saya kira masih tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada semua warga kementerian, Jabatan dan agensi.
- 4.** Sesungguhnya hari-hari bersejarah seperti Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia perlu kita kenang dan ingati dengan menanamkan semangat cinta dan sayang kepada negara kita Malaysia yang tercinta ini.
- 5.** Hari-hari seperti ini jugalah kita dapat melihat betapa eratnya hubungan sesama kita tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan keturunan dalam bersama-sama.
- 6.** Semangat perpaduan yang utuh sebegini perlu diteruskan bagi memastikan kesinambungan negara dalam mengorak langkah untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 kelak.

TERKINI DI MOT

APEC TPTWG Meeting

Warga MOT sekalian,

- 7.** Baru-baru ini, Kementerian telah menganjurkan Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengangkutan-*Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC-TPTWG) Ke-43 pada 6 hingga 9 September 2016 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.
- 8.** Mesyuarat ini membincangkan kerjasama sektor pengangkutan dalam kalangan negara-negara anggota APEC. Malaysia melalui MOT telah terlibat secara aktif di dalam kedua-dua forum tersebut sejak tahun 1991.
- 9.** Ini merupakan kali pertama Malaysia menjadi penganjur kepada Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengangkutan APEC.
- 10.** Saya telah difahamkan mesyuarat tersebut telah berjalan dengan jayanya dan pelbagai keputusan positif telah dapat dicapai. Malah, hampir kesemua delegasi memuji penganjuran oleh MOT.
- 11.** Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya Jawatankuasa penganjur mesyuarat dan program sampingan sempena APEC TPTWG ke-43 tersebut.
- 12.** Adalah diharapkan supaya penganjuran mesyuarat ini akan memberi impak positif kepada pembangunan sistem pengangkutan yang

selamat dan efisien, serta menyumbang ke arah mencapai matlamat perdagangan dan pelaburan yang bebas dan terbuka di seluruh rantau Asia Pasifik.

Persidangan ICAO ke-39

Tuan-tuan dan puan-puan,

- 13.** Kita semua sedia maklum pada penghujung bulan September ini akan berlangsung Persidangan kali ke-39 Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau ICAO.
- 14.** Persidangan kali ini adalah amat penting terutama buat Malaysia kerana kita sekali lagi akan bertanding bagi merebut kerusi Ahli Majlis ICAO yang telah kita duduki sejak tahun 2007.
- 15.** Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bakal mengetuai delegasi Malaysia yang akan disertai oleh pihak DCA, Bahagian Udara serta agensi dan pemain industry penerbangan Malaysia bagi memastikan kejayaan berada di pihak kita.

Warga MOT sekalian,

- 16.** Malaysia sentiasa menyokong inisiatif ICAO dalam pelbagai aspek terutamanya keselamatan penerbangan, kecekapan dan kelestarian alam sekitar.

- 17.** Bagi membuktikan komitmen berterusan, kita memainkan peranan yang cukup aktif dan penting dalam banyak Panel, Jawatankuasa dan Kumpulan Kerja di peringkat ICAO.
- 18.** Malaysia juga telah menyokong pelbagai dasar ICAO, kerana kita percaya pada perlunya penambahbaikan keselamatan dan yang berterusan bagi sektor penerbangan antarabangsa terutamanya selepas tragedi menyayat hati MH370 dan MH17.
- 19.** Sumbangan Malaysia tidak terhad kepada dasar-dasar dan polisi serta inisiatif yang dibawa oleh ICAO semata-mata. Kita telah secara sukarela menyumbang dari segi kewangan dalam usaha untuk menyokong inisiatif ICAO yang berkaitan dengan keselamatan dan kelestarian alam sekitar.
- 20.** Antara sumbangan ini termasuk USD100,000 kepada dana Keselamatan AFI ICAO serta USD100,000 lagi untuk dana keselamatan penerbangan ICAO.
- 21.** Saya berharap dengan kesemua langkah-langkah dan kempen yang kita jalankan sejak awal tahun lalu, Malaysia bakal sekali lagi dipilih untuk menduduki kerusi Ahli Majlis bagi Kategori III dalam pemilihan pada penghujung bulan ini.
- 22.** Justeru itu, marilah kita sama-sama berdoa semoga Malaysia sekali lagi dipilih bagi kerusi berprestij ini dan semoga kejayaan demi kejayaan berpihak kepada kita supaya dengannya akan menjadi pemangkin kepada kementerian ini untuk terus mengorak langkah bagi menempa pelbagai pencapaian yang cemerlang di masa akan datang.

PERTUKARAN PEGAWAI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

- 23.** Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada para pegawai dan kakitangan baru ke MOT. Adalah diharapkan agar mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan amanah, beretika dan berhemah.
- 24.** Dalam pada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada para pegawai dan kakitangan yang meninggalkan Kementerian sama ada bertukar ke Jabatan lain mahupun yang bersara wajib.
- 25.** Setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan mereka selama berkhidmat di MOT, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian.

PENUTUP

Warga MOT sekalian,

- 26.** Saya tidak ingin berucap dengan panjang lebar, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan Koir MOT yang terdiri daripada warga Kementerian Pengangkutan Malaysia, JPJ, DCA dan JKJR.

- 27.** Kumpulan Koir MOT telah menyertai Pertandingan Koir Sempena Program Seni Budaya MPSJ pada 20 Ogos 2016 yang lepas dan telah mengharumkan nama Kementerian apabila menerima Anugerah Susunan Vokal (Koir) Terbaik dan Anugerah Emas (kumpulan yang mendapat markah yang lebih 86 ke atas).
- 28.** Sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan.

Sekian, terima kasih.